

## UPM anjur I-PICTL2025 & Karnival SULAM@UPM 2025, platform tenaga akademik dan pelajar kembang bakat bagi manfaat komuniti



Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto Oleh: Noor Azreen Awang

SERDANG, 16 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik (CADe-Lead) menganjurkan 7th International Putra InnoCreative Carnival in Teaching and Learning (I-PICTL2025) bersama Karnival SULAM@UPM 2025, sebagai platform kepada tenaga akademik dan pelajar untuk mengembangkan bakat yang memberi manfaat kepada komuniti.



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud, hadir merasmikan dan menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut yang menekankan kepentingan pembelajaran fleksibel dan inovasi pendidikan dalam membentuk graduan masa depan yang responsif, kreatif dan berjiwa MADANI.

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah berkata, program ini mendedahkan pelajar kepada pendekatan pembelajaran baharu sejajar dengan penggunaan teknologi semasa.

"Melalui program ini, pelajar didedahkan dengan pendekatan pembelajaran yang lebih inovatif dan relevan dengan keperluan dunia sebenar serta pelajar dapat mengaplikasikan ilmu kepada komuniti," katanya.

Pengarah CADe-Lead, Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis Saad, berkata karnival ini menjadi platform penting dalam memperkukuh budaya inovasi dalam kalangan warga akademik dan pelajar serta memartabatkan universiti sebagai pemacu perubahan sosial.

"Melalui program ini, universiti memperkukuh peranannya sebagai peneraju dalam pendidikan transformatif, dengan memberi ruang kepada kolaborasi, inovasi dan penglibatan komuniti yang menyeluruh," katanya.



Selain itu, karnival yang bertemakan “Adaptive Learning for a Changing World: Embracing Innovation in Teaching and Learning” adalah selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam memperkasakan sistem pendidikan tinggi melalui pembelajaran adaptif, inovasi berimpak tinggi dan pemerkasaan tanggungjawab sosial universiti kepada masyarakat.



Prof. Madya Dr. Faridah Qamaruz Zaman, pengasas Zoollery Jabatan Biologi Fakulti Sains UPM berkata, I-PICTL2025 membuka peluang luas untuk bertemu dan bertukar pandangan dengan pelbagai

pendidik serta penyelidik dalam bidang teknologi dan inovasi pendidikan.

“Ia sangat berguna dan merupakan peluang terbaik untuk memperkembangkan bakat melalui jaringan kerja yang meluas serta secara langsung menggalakkan pelajar, terutamanya Gen Z untuk meminati dan meneroka bidang sains secara lebih mendalam,” katanya.



Dalam pada itu, Karnival SULAM@UPM 2025 turut memfokuskan kepada pendekatan Service Learning atau pembelajaran berasaskan perkhidmatan yang menggabungkan elemen pengajaran dengan khidmat kepada komuniti.

Pelajar Bacelor Sains Pengurusan Perladangan dengan Kepujian, Fakulti Pertanian, UPM, Tamilarasan E Nagarajan berkata, karnival ini memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan kemahiran insaniah yang diperoleh di universiti dalam kehidupan sebenar.

“Program ini sangat membantu saya mempraktikkan kemahiran kepimpinan, pengurusan dan penyelesaian masalah, serta mengasah bakat-bakat terpendam dalam kalangan pelajar untuk dimanfaatkan di peringkat komuniti,” katanya.